

Al-Qur'an dan Sunnah sebagai sumber hukum Islam. Dalam hal ini, Al-Qur'an memberikan perintah dan larangan yang bersifat umum dan tidak spesifik. Sedangkan Sunnah memberikan contoh praktis bagaimana Rasulullah dan para sahabat melaksanakan perintah dan larangan tersebut. Akademisi Islam mengatakan bahwa dalam Al-Qur'an dan Sunnah terdapat sejumlah besar ayat dan hadis yang membentuk dasar-dasar hukum Islam. Namun, dalam praktiknya, hukum Islam juga dipengaruhi oleh faktor-faktor lain seperti adat istiadat, kebiasaan masyarakat, dan kondisi sosial-politik.

Akad-akad Muamalah Dalam Fiqh: Satu Analisis

Azila Ahmad Sarkawi

Abstract

The writer elaborates the various concepts of 'aqd according to the Islamic Law of Contracts and analyses their theoretical aspects further.

Pendahuluan

Teori Ibn Khaldun mengatakan, manusia secara fitrahnya hidup bermasyarakat. Ini bermakna secara semulajadi manusia menjalankan hubungan antara satu sama lain bagi memenuhi segala keperluan dan kehendak mereka. Dalam menjalankan hubungan ini berlakulah muamalah dan syarak menggariskan beberapa prinsip muamalah Islam bagi mengatur hubungan sesama manusia. Prinsip-prinsip ini kemudiannya ditafsirkan oleh para fuqaha' dan dibukukan dalam kitab-kitab fiqh. Tafsiran-tafsiran inilah yang perlu dinilai semula oleh para ulama' kontemporari dan diperkembangkan selaras dengan keperluan dan perkembangan masyarakat hari ini. Pada dasarnya analisa mengenai akad-akad muamalah dalam Fiqh ini, dibuat bagi mengkaji apakah rahsia di sebalik kepelbagaiannya akad muamalah Islam yang lebih dikenali sebagai Kontrak-kontrak Penama (*Uqud al-Musammat*) atau Kumpulan Undang-undang Kontrak (*Law of Contracts*).

Teori Muamalat Islam

Istilah muamalah dalam Islam merupakan satu istilah umum yang memberi makna yang luas dan merangkumi pelbagai jenis aktiviti. Ia melibatkan semua urusan sivil dari kontrak jual beli ('aqd bay') sehingga kepada kontrak *Imamah* ('aqd al-*Imamah*). Ini

termasuklah segala kontrak perniagaan, perdagangan dan juga yang menyentuh soal personal seperti perkahwinan, perceraian dan seterusnya. Undang-undang kontrak Islam juga termasuk di bawah pengertian muamalah yang dikenali oleh fiqh Islam sebagai “akad” yang merujuk kepada kontrak-kontrak penama.¹ Imam *Taqiy al-Din Abi Bakr* di dalam kitabnya *Kifayat al-Akhyar* menyenaraikan lebih daripada dua puluh lima (25) jenis akad dalam muamalah Islam.² Untuk mengetahui jenis-jenis akad ini secara lebih terperinci, seterusnya dibincangkan konsep akad secara umum.

Konsep Akad Dalam Islam

Akad secara umumnya ialah persetujuan antara dua belah pihak yang berakad yang boleh melahirkan obligasi undang-undang.³ Manakala maksud kontrak atau akad dalam fiqh Islam ialah satu ikatan tawaran (*Ijab*) dari penawar dan penerimaan tawaran tersebut oleh pihak penerima dengan satu penerimaan (*Qabul*) yang akan mensabit satu kesan hukum pada suatu objek⁴:

“the obligation which is the result of an offer given by one party and the acceptance given by the other party in a way where its legal effect is expressed on the thing contracted upon.”

Secara ringkasnya untuk menjadikan sesuatu kontrak tersebut sah mestilah terdapat hubungan antara penawar dan penerima dan mestilah ada matlamat. Hubungan di antara penawar dan penerima terkandung di dalam konsep kerelaan. Manakala matlamat sesuatu kontrak itu terkandung di dalam “objek” dan “*sabab*”. Oleh yang demikian, pembentukan sesuatu kontrak yang sah di dalam undang-undang Islam mestilah mengandungi tiga unsur utama iaitu kerelaan, objek dan *sabab*.⁵

Dalam undang-undang kontrak moden, sama ada undang-undang kontrak Islam atau undang-undang kontrak sekular, istilah tawaran (*offer*), penerimaan (*acceptance*) dan balasan (*consideration*) digunakan dalam menghuraikan tiga unsur utama pembentukan kontrak. Meskipun begitu, konsepnya tidaklah jauh berbeza dengan konsep kerelaan, “objek” dan “*sabab*” yang dinyatakan di atas. Pada dasarnya, kedua-dua aliran undang-undang kontrak ini mengiktiraf ketiga-tiga elemen tersebut dalam pembentukan kontrak. Malah prinsip ini amat dipegang kuat oleh undang-undang kontrak sekular sehingga mana-mana komitmen atau perjanjian yang dibuat menepati elemen-elemen tersebut, ia adalah mengikat pihak-pihak berkenaan mengenai suatu tanggungan atau hak dan kemungkinan terhadap hak dan tanggungan berkenaan akan melibatkan natijah perundangan.

Walau bagaimanapun, dalam muamalah Islam istilah akad juga digunakan untuk menerangkan “*unilateral juridical act*” di mana kerelaan dan persetujuan kedua belah pihak yang berakad tidak semestinya diperlukan. Ini bermakna akad itu tetap mengikat dan memberi kesan di sisi undang-undang walaupun persetujuan daripada pihak

satu lagi. Contohnya ialah lafaz talak dari suami dan pembebasan hamba.

Mengenai konsep balasan (*consideration*), di dalam undang-undang kontrak Islam, balasan tidak semestinya diperlukan dalam pembentukan satu akad. Contoh akad yang tidak memerlukan kepada balasan ialah *hibah* dan *wasiat*. Di samping itu, objek yang menjadi teras kepada pembentukan kontrak itu juga disyaratkan ada (*wujud*) atau diserahkan pada masa akad. Para fuqaha' berpendapat objek tersebut boleh diserahkan pada masa hadapan (*Mahal Mustaqbal*) dengan syarat tidak wujud unsur *gharar*⁶ dan penerangan yang lengkap diberi kepada spesifikasi objek tersebut. Contohnya ialah pengharusan *bay' salam* dan *bay' istisna'* dalam muamalah Islam.

Demikianlah konsep akad dalam muamalah Islam yang dilihat lebih umum berbanding dengan konsep kontrak dalam undang-undang sekular dengan beberapa pengecualian yang disebutkan di atas.

Pembahagian Akad-akad Muamalah

Para fuqaha' mengklasifikasikan akad kepada beberapa bahagian. Pengarang kitab *al-Nazariyyat al-'Ammah li-Mujibat wa al-'Aqd*, Dr. Subhi Mahmassani membahagikan akad-akad muamalah kepada lima bahagian:⁷

Pertama: Akad yang sah dan akad yang batal (*Al-'Aqd al-Sahih wa al-'Aqd al-Batil*)

Akad yang sah ialah akad yang menepati segala syarat dan rukun untuk membentuk satu akad tertentu misalnya akad jual beli, manakala akad yang batal ialah akad yang tidak menepati syarat dan rukun-rukun akad tersebut.

Kedua: Akad yang terlaksana secara serta merta dan akad yang terhenti atas sebab-sebab tertentu (*Al-'Aqd al-Nafidz wa al-'Aqd al-Mauquf*).

Akad yang terlaksana secara serta merta ialah akad yang tidak terikat dengan hak orang lain di mana hukum dan kesannya berlaku serta merta. Misalnya menjual sesuatu yang memang menjadi milik penjual tersebut. Manakala akad yang terhenti atas sebab-sebab tertentu ialah akad yang terikat dengan hak orang lain di mana hukum dan kesannya akan berlaku dengan keizinan dan kebenaran daripada tuan punya hak itu. Contohnya *bay' fuduli*, sesetengah akad kanak-kanak yang *mumayyiz* dan *wasiat*.

Ketiga: Akad yang mengikat dan akad yang tidak mengikat (*Al-'Aqd al-Lazim wa Ghair al-Lazim*)

Akad yang mengikat ialah akad yang tidak boleh *khiyar* manakala akad yang tidak mengikat ialah akad yang boleh *khiyar*. Akad yang mengikat terdapat tiga jenis iaitu:

- (i) mengikat kedua belah pihak iaitu akad itu tidak boleh dibubarkan tanpa kebenaran pihak satu lagi. Contohnya jual beli dan sewa.
- (ii) tidak mengikat kedua belah pihak iaitu kedua-dua pihak boleh membubarkan akad tanpa kebenaran pihak satu lagi. Contohnya *wakalah*, *syarikat*, *mudharabah*, *wadi'ah*, *i'arah* dan *wasiah*.

- (iii) hanya mengikat sebelah pihak iaitu sebelah pihak sahaja boleh bubar akad. Contohnya gadaian.

Keempat: Akad yang ada balasan dan akad yang tiada balasan ('Aqd al-Mu'aradat wa 'Aqd al-Tabarru')

Akad yang ada balasan ialah akad yang memberi manfaat kepada kedua belah pihak yang berakad seperti akad jual beli dan sewa, manakala akad yang tiada balasan ialah akad yang memberi manfaat kepada sebelah pihak yang berakad sahaja. Contohnya *hibah* dan pinjaman.

Kelima: Akad yang memindah milik '*ainnya*' dan akad yang memindah milik manfaat sahaja. ('Uqud Tamlik al-'Ain wa Uqud Tamlik al-Manfa'at)

Akad yang memindah milik '*ainnya*' ialah seperti akad jual beli dan akad yang memindah milik manfaat sahaja ialah akad sewaan.

Pembahagian akad muamalah di atas merupakan salah satu bentuk pembahagian yang dilakukan oleh para fuqaha' berdasarkan kepada ciri-ciri sesuatu akad. Terdapat banyak lagi bentuk pembahagian akad yang boleh dilakukan seperti akad yang dibenarkan dalam Islam dan akad yang tidak dibenarkan, akad yang bersifat akad itu sendiri dan akad yang berbentuk remedii, dan yang lebih bersifat kontemporari ialah pembahagian yang cuba mengenalpasti elemen-elemen persamaan dan perbezaan dalam akad-akad tersebut antara undang-undang kontrak Islam dengan undang-undang kontrak sekular dalam usaha untuk mengislamisasi kontrak-kontrak yang tidak menepati syarak.

Analisis

Kepelbagaiannya akad seperti yang disenaraikan di atas melahirkan beberapa teori mengenai muamalah Islam. Antaranya ialah:

- (1) Akad-akad muamalah Islam dengan ciri-cirinya yang tersendiri adalah bersifat fleksibel dan mampu memenuhi keperluan muamalah semasa.
- (2) Setiap akad dalam muamalah Islam mempunyai tujuan dan matlamat yang tersendiri dalam menangani dan menyelesaikan masalah transaksi semasa.
- (3) Keistimewaan akad-akad muamalah Islam dengan ciri-ciri dan matlamatnya yang tersendiri menyebabkan tidak wujud satu teori bersepada yang mengikat seperti undang-undang kontrak sekular.
- (4) Senarai akad muamalah Islam menunjukkan syarak menggariskan beberapa akad yang bersifat pencegahan daripada berlaku perselisihan seperti keizinan dan *wilayah* dan akad yang bersifat remedii seperti *khiyar* dan *sulh*.

(5) Kepelbagaiannya akad muamalah Islam mewujudkan perbezaan antara undang-undang kontrak Islam dengan undang-undang kontrak sekular. Walaupun pada dasarnya istilah kontrak dalam muamalah Islam adalah berbeza konsepnya dengan istilah kontrak dalam undang-undang kontrak sekular, istilah ini boleh digunakan secara sistematik dan konsisten dalam kontrak-kontrak berbentuk *tamlikat*, *syirkah*, *itlaqat* dan *ta'minat* dalam muamalah Islam.

Kesimpulan

Dalam muamalah seharian, manusia tidak dapat lari daripada berurusan antara satu sama lain atau mana-mana agensi. Walau apapun akad muamalah yang dilakukan, kita perlu kembali kepada prinsip keadilan iaitu meletakkan sesuatu pada tempatnya. Oleh itu dalam apa jua jenis akad yang dilakukan, Islam melarang jika ada unsur-unsur riba, *gharar* dan *ghubn* walaupun pihak yang berakad itu merelainya. Ketiga-tiga unsur ini merupakan kayu pengukur bagi kesahihan sesuatu akad muamalah dalam Islam. Ini menunjukkan bahawa undang-undang kontrak Islam adalah bersifat objektif di mana kesahihan sesuatu kontrak itu diperiksa bukan setakat elemen kerelaan pihak-pihak yang berkontrak tetapi juga kepada butir-butir dan bentuk kontrak itu dipersetujui.

Nota Hujung

1. Ahmad Hidayat Buang, “Kebebasan Berkontrak di dalam Undang-undang Islam”, *Jurnal Syariah*, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Jilid 1, Bilangan 2, 1993, ms. 244.
2. Al-Imam Taqiy al-Din Abi Bakr b. Muhammad, *Kifayatul Akhyar*, Dar al-Ma'rifat, Beirut, Cetakan 2, (t.t), ms. 147-207.
3. Dr. Subhi Mahmassani, *al-Nizariyyat al-'Ammah li-Mujibat al-'Aqd*, Beirut, 1948, ms. 275.
4. Artikel 103, *Majallah al-Ahkam al-'Adliyyah*.
5. Ahmad Hidayat Buang, “Unsur-unsur Utama Pembentukan Kontrak (‘;Aqd) di dalam Undang-undang Islam”, *Jurnal Syariah*, Fakulti Syariah, Akademi Islam Universiti Malaya, Jilid 2, Bilangan 1, 1994, ms. 92.
6. *Gharar* secara umumnya dapatlah diertikan sebagai elemen ketidakpastian (*taraddud* atau *uncertainty*) di dalam butiran sesuatu kontrak yang mana unsur-unsur ini akan menyebabkan natijah sesuatu kontrak itu kabur dan tidak dapat dipastikan dan ini akan mengakibatkan spekulasi, risiko yang tidak munasabah dan percanggahan maklumat di antara pihak-pihak berkontrak. Lihat Ahmad Hidayat Buang, “Kebebasan Berkontrak di dalam Undang-undang Islam”, *Jurnal Syariah*, Fakulti Syariah, Akademi Islam Universiti Malaya, Jilid 1, Bilangan 2, 1993, ms. 253.

7. Al-Syarbini, *Mughni al-Muhtaj*, Juzuk 2, Mesir: Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi, 1958, ms. 2-249; As-Syafi'i, *Mukhtasar al-Muzani, al-Umm*, Juzuk 8, Beirut: Dar al-Fikr, ms. 172-261; Al-Kasani, *Badai' al-Sanai' fi At-Tartib al-Syara'i*, Juzuk 6, Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi, 2-283; Al-Imam Taqiy al-Din Abi Bakr b. Muhammad, *Kifayatul Akhyar*, Dar al-Ma'rifat, Beirut, Cetakan 2 (t.t), ms. 147-207.
 8. Subhi Mahmassani, *al-Naziriyat al-'Ammah li-Mujibat wa al-'Aqd*, Beirut: Dar al-Ma'rifat, ms. 265.